

CIMB mahu lancar pakej kewangan halal RM500 juta

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN



BADLISYAH ABDUL GHANI

KUALA LUMPUR 9 Mei - Kumpulan CIMB akan melancarkan pakej kewangan khas khusus bagi industri halal yang dianggarkan bernilai RM500 juta untuk industri kecil sederhana (IKS) pada pertengahan tahun ini.

Ketua CIMB Islamic, Badlisyah Abdul Ghani berkata, pakej terbaru itu ditubuhkan sebagai tanda komited Kumpulan CIMB untuk memberi kemudahan kewangan yang lebih banyak kepada industri halal di negara ini.

"Dengan adanya pakej terbaru itu, para peserta IKS tempatan kini berpeluang untuk mendapatkan dana sejumlah RM1 bilion termasuk dana Bumiputera Advisory Team (BAT) sebanyak RM500 juta yang ditawarkan dua bulan lalu," katanya pada sidang akhbar selepas membentangkan kertas kerja di Forum Halal Sedunia di sini

Para peserta IKS tempatan kini berpeluang untuk mendapatkan dana sejumlah RM1 bilion termasuk dana Bumiputera Advisory Team (BAT) sebanyak RM500 juta

BADLISYAH
ABDUL GHANI
Ketua CIMB
Islamic

hari ini.

Badlisyah yakin dana itu dijangka digunakan sepenuhnya dalam tempoh satu hingga dua tahun.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai pakej tersebut kerana ia akan dilancarkan tidak lama lagi.

Sementara itu, mengenai BAT, Badlisyah berkata, dana berkenaan mendapat sambutan baik setakat ini berdasarkan permohonan peserta IKS terhadap produk tersebut.

"Tidak dinafikan kita menerima banyak permohonan yang menarik tetapi penilaian masih dijalankan," katanya.

BAT adalah sebuah pasukan perunding khusus untuk memperuntukkan dana RM500 juta membantu dan membimbing syarikat dan perusahaan milik bumiputera.

Pasukan yang terdiri sekumpulan 10 pakar kewangan dan perundingan perniagaan itu bergerak berdasarkan model perniagaan modal teroka sedia ada kumpulan iaitu CIMB Private Equity Sdn. Bhd., yang kini mempunyai dana RM100 juta.

Katanya, BAT ditawarkan untuk peserta IKS yang terlibat dalam sektor pembuatan dan makanan sama ada melalui perbankan Islam dan konvensional.